

Malaysia sokong projek Inisiatif Jalur, Laluan China

> Masyarakat dunia berupaya nikmati kesan limpahan gagasan: PM

Chok Suat Ling
bhnews@bh.com.my

Beijing



Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan Malaysia menyokong usaha China menerusi gagasan Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) yang bakal menjadi pemangkin ke arah penajajaran semula ekonomi global.

Menjadi pemimpin sulung ASEAN, selain Russia, Kazakhstan, Mesir dan Chile yang terpilih untuk mengutarakan pandangan, Perdana Menteri turut menyemat keyakinan bahawa masyarakat berupaya untuk menikmati kesan limpahan daripada rangkaian projek BRI, khususnya dalam aspek komunikasi serta perjalanan.

“Saya yakin negara saya, Malaysia, akan meraih manfaat daripada projek ini. Ya, idea BRI sangat bagus. Ia mampu menghubungkan negara di rantau Asia Tengah yang terpisah kerana faktor geografi supaya lebih ‘dekat’ dengan persisiran laut.

“Aspek kekayaan mereka boleh terus bercambah, manakala kadar kemiskinan dikurangkan. Semua orang berupaya mendapat manfaat kemudahan komunikasi dan perjalanan hasil daripada impak projek BRI,” katanya ketika menyampaikan ucapan sempena perasmian Forum Kerjasama Antarabangsa Jalur dan Laluan (BRF), di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir dan delegasi pemimpin dunia menyertai majlis perasmian BRF di Pusat Konsyen Nasional China yang disempurnakan Presidennya, Xi Jinping, selaku peneraju idea BRI pada 2013 bagi mempromosikan sektor ekonomi dan menjana kesan positif terhadap pertukaran budaya.

Isu tumpah minyak di perairan laut

Dalam ucapan sama, Dr Mahathir mengingatkan dunia bahawa insiden pertumpahan minyak dan pembuangan sisa sampah di perairan laut mungkin semakin me-



Dr Mahathir menyampaikan ucapan sempena perasmian Forum Kerjasama Antarabangsa Jalur dan Laluan di Beijing, China, semalam.

runcing apabila wujud laluan yang menghubungkan kawasan tengah dengan persisiran, seperti dicerminkan menerusi sejarah negara Timur dan Barat.

“Ini membabitkan kawasan perairan antarabangsa dan negeri-negeri yang berada di pesisiran tidak mempunyai hak untuk mengutip bayaran bagi membiayai kerja pembersihan.

“Jika kita wartakan Selat Melaka sebagai kawasan perairan antarabangsa, maka komuniti antarabangsa mesti memikul tanggungjawab dalam memastikan ekosistem laut sentiasa bersih dan tidak tercemar, namun setakat ini beban sedemikian nampaknya digalas oleh negeri yang berada di pesisiran.

“Mereka yang lazimnya terkesan dengan kejadian pencemaran dan terpaksa merintis usaha membersihkan laut dan kawasan pantai. Hakikat bahawa negeri di pesisiran dibebani dengan tanggungjawab sebegini adalah amat tidak adil,” katanya.

Perkasa usaha tangani ancaman

Menyentuh perihal keselamatan, Perdana Menteri berkata aspek itu perlu dititikberatkan, khususnya dalam memperkasa usaha menangani ancaman penganas dan perbalahan di sepanjang koridor laluan yang ingin diwujudkan bagi tujuan perdagangan.

Katanya, dunia masa kini mungkin kelihatan bertamadun, namun segelintir masyarakatnya masih terjerumus dalam kancas pembunuhan sesama sendiri bagi merungkai sebarang permasalahan, malah keupayaan mereka mencetuskan kemusnahan melangkaui kemampuan membina sesuatu peradaban.

“Adalah amat penting supaya dunia masa kini kurangkan sifat kolot dan menolak kekasaran dan pembunuhan beramai-ramai supaya pembukaan laluan baharu bagi perdagangan dan pengangkutan menerusi janji BRI berupaya meraih manfaat positif.

“Kebebasan rangkaian laluan ini

juga penting kerana kerehah birokrasi lazimnya merencatkan kadar perjalanan, justeru penggunaan teknologi yang dinaik taraf jangka boleh menjimatkan masa, selain memacu perdagangan antara Timur dengan Barat.

“Jika kapal yang lebih besar boleh dibina, mengapa tidak inovasi sama dilakukan terhadap kereta api bagi meningkatkan kapasitinya mengangkut bahan mentah dan penumpang? Adakah kita sudah berusaha sebaik mungkin untuk menghasilkan kereta api yang besar dan panjang? Saya rasa tidak.

“Jika jarak antara jajaran rel dilebarkan, boleh kita bina kereta api lebih besar dan lebih panjang, mungkin sepanjang satu kilometer? Kita ada teknologi dan kewangan bagi melaksanakan penambahan ini,” katanya.

Bersandarkan BRI atau ‘yi dai yu lu’ seperti diungkapkan dalam bahasa Mandarin, China memahat harapan untuk mengembalikan semula ‘Laluan Sutera’ yang menghubungkan Asia ke Eropah.